



KENYATAAN MEDIA: UNTUK SIARAN SEGERA (4 NOVEMBER 2022)

PENILAIAN KOMITMEN PARTI-PARTI POLITIK SEBELUM HARI PENAMAAN CALON

Pantau PRU15 amat kesal kegagalan kebanyakan parti-parti politik untuk mengiktiraf wanita sebagai pemimpin dan menjadi calon dalam PRU15. Setakat 3 November 2022, PantauPRU15 mendapati peratusan calon wanita bagi kerusi Parlimen yang diumumkan tidak sampai 30%. Berikut adalah jumlah peratusan calon wanita mengikut pakatan parti politik;

- | | |
|----------------------|---------|
| 1. Pakatan Harapan | : 18% |
| 2. Gerakan Tanah Air | : 13.3% |
| 3. Barisan Nasional | : 11 % |
| 4. Pakatan Nasional | : 9.3% |

Prestasi Pakatan Harapan banyak disumbang oleh DAP yang mencapai 25.4% calon wanita, 14 calon berbanding 7 dalam PRU14. Ini diikuti 20% oleh UPKO, 17% oleh PKR dan MUDA. Pejuang mengumumkan 19.4% calon Wanita. Sungguhpun tidak sampai sasaran yang diharapkan ini adalah petanda baik bagi penambahan calon wanita.

Disebaliknya parti UMNO yang telah mengumumkan kelulusan Majlis Kerja (MKT) untuk meletakkan 30 peratus calon wanita dalam PRU15 pada 2 Oktober 2022 menamakan 10% calon wanita sahaja dan dua calon wanita PRU14 digugurkan. Terbaik dalam BN adalah MCA ditahap 16%. Dalam PN hanya PAS mencatat 12.5% dan itu pun adalah penurunan jumlah wanita berbanding PRU14.

Sungguhpun terdapat kemajuan dalam beberapa parti politik, jelas bahawa secara amnya pemimpin parti politik tidak menghormati dan mengiktiraf kepimpinan wanita yang sangat berkaliber dan mampu mengubah corak kepimpinan parti dan urustadbir negara dengan gemilang. Paling sedih adalah mungkir janji yang dibuat oleh MKT UMNO sendiri.

Kebolehpercayaan adalah penting bagi rakyat. Kita berpegang kepada harapan untuk memilih Kerajaan yang boleh dipercayai. Peningkatan calon wanita adalah tanggungjawab bagi parti menunaikan. Pantau PRU15 sekali lagi mengesahkan semua parti politik untuk menyemak semula dan membuat perubahan senarai pencalonan supaya membuktikan parti politik anda mengiktiraf dan menghormati kepimpinan wanita. #wanitapemimpinrakyat #min30peratuswanita #morewomenbettergovernance

